

## **Strategi Peningkatan Saiz Kosa Kata Bahasa Arab dalam kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Daerah Setiu, Terengganu**

*Strategy to Increase Arabic Vocabulary Size among Secondary School Students in Setiu District, Terengganu*

Abdul Salam Ahmad Sabri<sup>1\*</sup>, Muhammad Faris Suhaimi<sup>1</sup>, Wan Aswadi bin Wan Ahmed<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

<sup>2</sup>Sekolah Menengah Imtiaz Yayasan Terengganu Setiu,  
22120 Permaisuri, Terengganu, Malaysia

\*abdsalam3108@gmail.com

**Received:** 1 May 2023 **Revised:** 10 Sept 2023 **Accepted:** 10 Oct 2023 **Published:** 31 Dec 2023

**To Cite this Article (APA) :** Ahmad Sabri, A. S., Suhaimi, M. F., & Wan Ahmed, W. A. (2023). Strategy to Increase Arabic Vocabulary Size among Secondary School Students in Setiu District, Terengganu. *SIBAWAYH Arabic Language and Education*, 4(2), 68–76. <https://doi.org/10.37134/sibawayh.vol4.2.6.2023>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/sibawayh.vol4.2.6.2023>

### **Abstrak**

Strategi pembelajaran kosa katan adalah penting untuk pembelajaran dan pemerolehan bahasa yang berkesan, membantu pelajar mempelajari perkataan baharu dan mengukuhkan pemahaman dan aplikasi mereka dalam konteks kehidupan sebenar. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka strategi pembelajaran kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar di daerah Setiu, Terengganu, Malaysia dengan menggunakan kaedah kualitatif. Sepuluh responden yang dipilih dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Kesemua responden telah memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh penyelidik. Hasil dapatan yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian ATLAS.ti dengan menggunakan pendekatan analisis tematik. Hasil dapatan menunjukkan enam strategi utama untuk meningkatkan perbendaharaan kata bahasa Arab iaitu melaksanakan program bahasa Arab yang tersusun, menggunakan teknik hafalan yang betul, menggabungkan permainan kosa kata, mencipta sudut bahasa Arab, menggunakan alat bantu mengajar yang sesuai, dan ulang kaji secara berkala.

**Kata Kunci:** Kosa kata, strategi, bahasa Arab, pengajaran dan pembelajaran

### **Abstract**

*Learning strategies are essential for effective language learning and acquisition, helping students learn new words and strengthen their understanding and application in real-life contexts. Therefore, this study aims to explore Arabic vocabulary learning strategies among students in Setiu district, Terengganu, Malaysia by using qualitative methods. Ten respondents who were selected using purposive sampling techniques participated in this study. All respondents have met the criteria set by the researcher. The results obtained were analyzed using ATLAS.ti software by using a thematic analysis approach. The findings show six main strategies to improve Arabic vocabulary, namely implementing a structured Arabic language program, using correct memorization techniques, combining vocabulary games, creating an Arabic corner, using appropriate teaching aids, and reviewing regularly.*

**Keywords:** *Vocabulary, strategy, Arabic, teaching and learning*

### **PENGENALAN**

Bahasa Arab tidak lagi dipelajari oleh pelajar sekolah aliran agama semata-mata, bahkan ditawarkan di pelbagai peringkat pendidikan formal sama ada pada peringkat prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah mahupun kolej dan universiti (Zaini et al, 2019). Isu dan permasalahan dalam pengajaran bahasa Arab bukan suatu perkara yang asing dalam kalangan pendidik dan pengkaji dewasa ini. Namun, senario permasalahan ini bukanlah dilihat sebagai suatu perkara yang negatif. Malah, ia dilihat membuka ruang perbincangan dan percambahan idea dalam menambahbaik sistem pengajaran bahasa Arab di Malaysia khususnya dalam suasana perkembangan bahasa Arab yang dilihat semakin meluas dewasa ini (Daud et al, 2022).

Guru merupakan faktor penting dalam menjamin kelangsungan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) khususnya dalam melahirkan pelajar yang berketerampilan dan berkemahiran dalam bahasa. Guru dianggap elemen yang mampu mengubah lanskap pendidikan Bahasa Arab. Faktor kekurangan masa PdP bahasa Arab dan status bahasa Arab dalam sistem pendidikan di Malaysia menuntut kreativiti dan kemahiran guru yang tinggi bagi menjadikan pembelajaran bahasa Arab lebih berkesan dan bermakna.

Bahasa Arab mempunyai kedudukan yang unik dalam konteks masyarakat di Malaysia. Keunikan ini merujuk kepada pemilihannya sebagai bahasa pengantar bagi membawa mesej Islam ke seluruh alam (Zaini et al, 2019). Dalam Akta Pendidikan 1996, bahasa Arab diklasifikasikan setaraf bahasa Jepun, Jerman atau Perancis yang diwartakan sebagai bahasa asing. Maka bahasa-bahasa ini boleh diadakan jika didapati munasabah dan praktik berbuat sedemikian (Akta Pendidikan 1996). Kenyataan ini menunjukkan kedudukan Bahasa Arab dalam arus pendidikan perdana mempunyai perbezaan dengan kedudukan bahasa Mandarin dan Tamil.

Bahasa Arab telah diperkenalkan kepada pelajar sejak di peringkat sekolah rendah. Di Malaysia, pengajaran dan pembelajaran subjek bahasa Arab menggunakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD). Kurikulum-kurikulum ini memberi penekanan kepada penguasaan empat kemahiran bahasa Arab iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Kemahiran-kemahiran tersebut telah dinyatakan secara spesifik dalam Standard Kandungan (SK) dan Standard Prestasi (SP) yang telah ditentukan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran.

Kosa kata merupakan elemen penting yang harus dikuasai dalam pembelajaran bahasa. Lantaran itu, ramai sarjana yang membincangkan peri penting penguasaan perkataan. Tu'aymah (1989) meletakkan sasaran penguasaan aspek saiz kata kepada 2000 perkataan bagi peringkat menengah. Selain itu, penguasaan kosa kata dilihat sebagai tunjang untuk menguasai

kemahiran tertinggi berbahasa iaitu komunikasi. Tanpa penguasaan kosa kata yang mantap seseorang tidak boleh menguasai aspek pembacaan, pertuturan, pendengaran dan penulisan dengan baik. Oleh yang demikian, kosa kata perlu dikuasai bagi memperoleh kemahiran bahasa yang baik. Lantaran itu, antara objektif pembelajaran bahasa Arab di peringkat sekolah yang perlu dicapai adalah penguasaan kosa kata atau mufradat. Jelas kosa kata perlu ditekankan dan diberi perhatian (Ghani & Daud, 2023).

### **Latar Belakang Kajian**

Penguasaan bahasa seseorang pelajar amat bergantung kepada penguasaan jumlah kosa kata yang dimiliki dalam bahasa tersebut. Hal ini disebabkan kerana penggunaan bahasa dalam apa jua aspek sama ada kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis memerlukan jumlah kosa kata yang mencukupi (Mohammad Taufiq & Wan Ab Aziz, 2018). Justeru, kelemahan dalam aspek ini akan mempengaruhi secara langsung kemampuan pelajar menggunakan sesuatu bahasa. Permasalahan yang dihadapi oleh pelajar pada masa kini adalah kekurangan jumlah kosa kata yang sesuai dengan peringkat pengajian mereka. Hasil kajian yang dilakukan oleh Hasnurol et al., (2020) mendapati bahawa jumlah penguasaan kosa kata pelajar sekolah di Malaysia masih berada pada tahap yang rendah.

Proses pengajaran dan pembelajaran kosa kata bahasa Arab, menjadi tunjang asas kepada penguasaan empat kemahiran berbahasa Arab (Azrin & Baharuddin, 2020). Kajian yang dijalankan oleh Barbara (2019) juga jelas menunjukkan bahawa strategi pengajaran yang cemerlang dari guru tersebut mampu memberi peningkatan dalam penguasaan kosa kata pelajar (Munidillah, 2019). Oleh itu, sebagai guru amat penting untuk memberi penekanan terhadap pembelajaran kosa kata sebelum beralih kepada ilmu bahasa Arab yang lebih mendalam seperti sintaksis, morfologi, dan retorik. Penguasaan jumlah kosa kata dalam pembelajaran bahasa bukanlah sekadar penguasaan dari aspek kuantiti dan pemahaman makna kosa kata tersebut secara literal, tetapi juga mampu memahami fungsi kosa kata tersebut dan mengaplikasikannya dalam kemahiran berbahasa (Zamri et al., 2019; Azrin & baharuddin, 2020; Zaini et al, 2020).

Oleh itu, objektif kajian ini dirangka untuk mengkaji saiz kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar tingkatan 1 di daerah Setiu, Terengganu serta pendekatan guru bagi meningkatkan saiz kosa kata pelajar.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan melibatkan responden kajian seramai 10 orang guru bahasa Arab di daerah Setiu, Terengganu. Responden kajian dipilih melalui teknik persampelan bertujuan yang melibatkan pemilihan responden berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh penyelidik. Kriteria responden yang telah ditetapkan oleh penyelidik adalah seperti berikut:

1. Responden merupakan guru bahasa Arab di daerah Setiu, Terengganu.
2. Responden memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Arab atau setara.
3. Responden memiliki sijil ikhtisas pendidikan.
4. Responden memiliki pengalaman mengajar melebihi lima tahun.
5. Responden mampu untuk memberi komitmen sepanjang tempoh kajian dijalankan.
6. Responden tidak mempunyai apa-apa kepentingan terhadap kajian ini dan mana-mana pemegang taruh.

Sesi temubual separa berstruktur dijalankan dengan menggunakan teknik kumpulan berfokus yang terdiri daripada tiga hingga lima orang guru. Setiap sesi temubual ini mengambil tempoh antara 45 hingga 60 minit. Temubual separa berstruktur ini mempunyai satu set soalan asas, walau bagaimanapun, proses temubual ini menggabungkan beberapa soalan tambahan yang muncul apabila temubual ini dijalankan. Selepas sesi temubual selesai dilaksanakan, penyelidik memulakan proses menganalisis maklumat. Para penyelidik memulakan proses mengatur dan menyediakan data untuk analisis, yang melibatkan transkripsi sesi temu bual separa berstruktur dan catatan penyelidik. Selepas itu, penyelidik memulakan kajian keseluruhan set data untuk mendapatkan pemahaman yang komprehensif mengenai input yang dinyatakan oleh responden. Para penyelidik juga menilai kedalaman keseluruhan data dan kebolehpercayaan data. Kemudian, penyelidik memulakan proses pengkodan semua data menggunakan perisian Atlas.ti.

## **DAPATAN KAJIAN**

Hasil temubual yang telah dijalankan bersama 10 orang guru bahasa Arab terdapat enam sub tema bagi strategi meningkatkan kosa kata dalam kalangan pelajar iaitu program bahasa Arab, hafalan kosa kata, permainan kosa kata, sudut bahasa Arab, bahan bantu mengajar yang sesuai, dan ulangkaji.

Hasil kajian mendapati bahawa mengadakan program bahasa Arab boleh meningkatkan saiz kosa kata bahasa Arab pelajar kerana semua pelajar akan memberi seluruh perhatian untuk program tersebut. Pelaksanaan program bahasa Arab memberikan impak positif terhadap peningkatan saiz kosa kata bahasa Arab pelajar. Keberkesanan ini disebabkan oleh kehadiran faktor-faktor tertentu dalam program yang mendorong penglibatan dan perhatian pelajar secara menyeluruh. Faktor-faktor ini termasuk penyusunan program yang menarik dan penyediaan aktiviti-aktiviti yang merangsang pemahaman dan penggunaan kosa kata bahasa Arab secara aktif. Penglibatan penuh dari semua pelajar dalam program bahasa Arab menjadi platform yang efektif untuk meningkatkan dan memperkukuhkan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Hal ini dapat dilihat daripada kenyataan responden kedua iaitu:

*“Ermm boleh juga buat program, buat program mukhayyam arabiy, buat program tahbibullah lughah? Sekarang ini banyak program-program gitu kan? Untuk kita untuk kita cintakan bahasa Arab.” (1:46)*

Strategi seterusnya ialah teknik hafalan kosa kata. Hasil kajian mendapati bahawa dengan teknik menghafal kosa kata dengan betul boleh meningkatkan saiz kosa kata bahasa Arab pelajar kerana semua pelajar memiliki kemampuan untuk menghafal. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan strategi menghafal kosa kata memberikan impak positif terhadap peningkatan saiz kosa kata bahasa Arab pelajar dan dapat mempraktis kemahiran berbahasa dengan baik. Aktiviti menghafal memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan daya ingat pelajar terhadap perkataan-perkataan bahasa Arab, membolehkan mereka mengingat dan menggunakan kosa kata dengan lebih berkesan. Penguasaan yang diperoleh melalui proses menghafal juga memberikan kesan positif terhadap kebolehan pelajar untuk menyusun ayat-ayat dan berkomunikasi dalam bahasa Arab. Oleh itu, strategi menghafal kosa kata merupakan satu pendekatan yang berkesan dalam meningkatkan kosa kata bahasa Arab di kalangan pelajar. Hal ini diteguhkan oleh responden kelapan iaitu:

*“yang pertama, ulang sebut, yang kedua, hafaz. Pelajar sini memang pelajar yang terpilih. Jadi kalau kita minta dia hafal, inshaAllah lah dia dapat cepat hafal.*

*Ataupun kita ulang sebut, ulang sebut, ulang sebut. Macam kalau apa, perkataan tu kita bagi, dia ulang sebut dengan kawan dia banyak-banyak kali. Esoknya kita soal, haa inshaAllah dapatlah kalimah yang diberikan.” (1:41)*

Seterusnya, menggunakan kaedah permainan dalam meningkatkan saiz kosa kata bahasa Arab sebagai strategi untuk menambah saiz kosa kata pelajar. Menggunakan kaedah permainan sebagai strategi untuk meningkatkan saiz kosa kata bahasa Arab di kalangan pelajar adalah salah satu langkah yang berkesan. Pendekatan ini mengintegrasikan unsur keseronokan dalam pembelajaran, memberikan peluang kepada pelajar untuk belajar sambil bermain. Dalam konteks ini, permainan dapat dirancang untuk mencipta situasi di mana pelajar dapat menggunakan dan memahami kosa kata bahasa Arab secara aktif. Kaedah ini bukan hanya menyediakan pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan, tetapi juga meningkatkan motivasi pelajar untuk terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran, yang seterusnya memperkukuhkan saiz kosa kata mereka. Menurut responden pertama:

*“kita err boleh adakan juga er permainan-permainan bahasa untuk kita tingkatan jugalah minat mereka terhadap bahasa arab.” (1:6)*

Strategi yang keempat ialah mewujudkan sudut bahasa. Mewujudkan satu sudut bahasa Arab khususnya di kawasan sekolah dan di dalam kelas dapat membantu merangsang minat pelajar, kerana secara tidak langsung pelajar akan melihat dan membaca dengan sudut bahasa Arab pada setiap hari. Sudut bahasa Arab khusus di kawasan sekolah dan dalam kelas dapat membantu merangsang minat pelajar secara positif. Keberadaan sudut tersebut mencipta persekitaran yang memfokuskan kepada bahasa Arab, membolehkan pelajar melihat dan membaca nota-nota atau info bahasa Arab setiap hari. Ini membantu mencipta kesedaran terhadap Bahasa Arab, serta memperkuat penggunaan kosa kata. Sudut bahasa Arab ini hendaklah mengandungi bahan-bahan pembelajaran yang menarik seperti poster, buku, atau papan pameran yang memperkaya kosa kata untuk pembelajaran pelajar. Inisiatif ini boleh memberikan sumbangan yang berarti dalam merangsang minat dan keterlibatan pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab. Perkara ini dinyatakan oleh responden yang kedua iaitu:

*“kita boleh wujudkan suasana di sekolahlah. Okey, dalam kelas apatah lagi, dalam kelas kita boleh ceriakan kelas kita dengan. Tepek je lah benda benda tu dalam bahasa Arab. Barang barang dalam kelas tu, haa ataupun dok semestinya barang-barang, benda-benda lain, kata-kata dalam kelas ke. Secara tak langsung pelajar ini dia boleh baca,” (1:47)*

Manakala strategi kelima ialah bahan bantu mengajar yang sesuai. Dalam usaha untuk menarik minat pelajar, bahan bantu mengajar amatlah penting untuk memastikan semua pelajar melibatkan diri dalam pembelajaran. Bahan bantu mengajar, seperti multimedia, kad imbas, atau teknologi pembelajaran dapat memberikan pembelajaran yang lebih menyeronokkan. Hal ini membantu untuk memastikan keterlibatan dan penyertaan aktif semua pelajar dalam proses pembelajaran bahasa Arab. Pemilihan dan penggunaan bahan bantu mengajar yang sesuai dapat membuka peluang untuk merangsang minat pelajar, meningkatkan pemahaman, dan memperkukuhkan penguasaan kosa kata. Menurut responden keenam:

*“pelbagaikan abm kita, maknanya abm tu kena semua untuk semua pelajar. Makna pelajar hok dok minat pon jadi minat. Pelajar hok minat tu minat doh, contoh kalau contoh tarsia kita nampak ada budak hok memang tak minat tersia tu. So kita tukar*

*kepada aktiviti lain ha maknanya semua semua pelajar dalam kelas tu dia, dia nape dia join kita punya aktiviti tu.” (1:13)*

Strategi yang terakhir ialah ulangkaji. Hasil kajian mendapati bahawa ulangkaji merupakan salah satu cara yang paling berkesan untuk meningkatkan saiz kosa kata bahasa Arab pelajar kerana perkataan yang dihafal akan sentiasa diulang. Ini disebabkan oleh kesan pengulangan yang memberikan peluang kepada pelajar untuk mengingati perkataan yang telah dihafal. Dengan cara ini, perkataan-perkataan tersebut menjadi sebahagian daripada memori pelajar, dan pelajar lebih cenderung untuk mengingatnya dalam jangka masa panjang. Ulangkaji yang berterusan membolehkan perkataan-perkataan tersebut menjadi sebahagian daripada penguasaan aktif pelajar dalam bahasa Arab. Oleh itu, ulangkaji merupakan strategi yang penting dalam meningkatkan saiz kosa kata Bahasa Arab pelajar. Hal ini dapat dilihat daripada kenyataan responden ketujuh iaitu:

*“Strategi saya saya suka terapkan dalam pdpc, sebab saya tahu pelajar-pelajar imtiaz ni sibuk, jadual dia padat, jadi saya akan all out mase pdpc ni untuk ulang kaji, buat nota, tampal dalam kelas, dan sebagainya.” (1.37)*

Kesimpulannya, hasil dapatan menunjukkan terdapat enam strategi utama bagi meningkatkan saiz kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar iaitu program bahasa Arab, teknik hafalan, permainan, sudut bahasa Arab, bahan bantu mengajar, dan ulangkaji memberikan impak positif terhadap peningkatan kosa kata bahasa Arab. Berdasarkan temu bual bersama responden, pengkaji mengenalpasti kaedah ulangkaji adalah kaedah yang terbaik untuk digunakan bagi meningkatkan saiz kosa kata bahasa arab dalam kalangan pelajar. Oleh itu, kaedah ini telah dikenalpasti sebagai dapatan strategi terbaik untuk meningkatkan saiz kosa kata Bahasa Arab dalam kalangan pelajar di daerah Setiu, Terengganu.

## **PERBINCANGAN**

Pelaksanaan program bahasa Arab yang komprehensif adalah penting untuk meningkatkan saiz kosa kata dalam kalangan pelajar. Program sebegini harus distrukturkan untuk memenuhi keperluan khusus dan tahap kemahiran pelajar (Zulharby et al, 2019; Saufi et al, 2023). Ia harus merangkumi kurikulum yang seimbang yang merangkumi pelbagai aspek pemerolehan kosa kata, termasuk pembelajaran kata dasar, awalan dan akhiran, serta kajian sinonim, antonim dan kolokasi. Program ini juga harus menggabungkan aktiviti dan latihan yang menggalakkan penglibatan aktif dengan bahasa, seperti perbincangan kumpulan, perbahasan dan pembentangan. Tambahan pula, program ini harus menyediakan peluang yang luas kepada pelajar untuk mempraktikkan kosa kata mereka melalui senario dan interaksi kehidupan sebenar, di dalam dan di luar bilik darjah (Samah et al, 2020).

Teknik hafalan yang betul adalah penting untuk mengembangkan kosa kata bahasa Arab dengan berkesan. Pelajar boleh mendapat manfaat daripada pembelajaran yang membantu mereka mengingati perkataan baharu melalui perkaitan dengan konsep atau imej. Teknik visualisasi juga boleh digunakan untuk mencipta imej yang menguatkan makna perkataan (Munidillah, 2019). Di samping itu, pengulangan adalah kunci kepada kejayaan hafalan, dan guru harus menggalakkan pelajar menyemak dan mempraktikkan perkataan baharu. Tambahan pula, pelajar digalakkan untuk menggunakan kosa kata baharu dalam konteks dengan memasukkannya ke dalam ayat dan perbualan seharian (Ghani & Daud, 2023). Ini bukan sahaja membantu mengukuhkan pemahaman mereka tentang perkataan tetapi juga

meningkatkan keupayaan mereka untuk menggunakannya dengan betul dalam situasi yang berbeza.

Tambahan, mengintegrasikan permainan kosa kata ke dalam proses pembelajaran boleh meningkatkan pengekal dan pemahaman pelajar terhadap kosa kata Arab dengan ketara. Permainan seperti teka-teki perkataan, bingo kosa kata, dan padanan memori boleh menjadikan proses pembelajaran lebih menyeronokkan dan menarik (Azrin & Baharuddin, 2020; Daud et al, 2022). Permainan ini boleh disesuaikan untuk menyesuaikan tahap kecekapan dan gaya pembelajaran yang berbeza, menjadikannya alat serba boleh untuk pengajaran perbendaharaan kata. Tambahan pula, memasukkan elemen persaingan ke dalam permainan boleh memotivasikan pelajar untuk mengambil bahagian secara aktif dan berusaha untuk meningkatkan kemahiran kosa kata mereka (Hasnurol et al., 2020). Guru juga boleh menggunakan permainan sebagai satu bentuk penilaian untuk mengukur kemajuan pelajar dan mengenal pasti bidang yang memerlukan peneguhan lanjut.

Seterusnya, mewujudkan sudut atau kawasan bahasa Arab khusus di dalam kelas atau sekolah boleh mewujudkan persekitaran pembelajaran yang mengasyikkan untuk pelajar. Ruang ini boleh dihiasi dengan poster, carta dan alat visual lain yang memaparkan kosa kata Arab dalam konteks. Ia juga boleh merangkumi pelbagai sumber, seperti buku, majalah, dan bahan multimedia, yang mendedahkan pelajar kepada penggunaan bahasa Arab (Zaini et al, 2019). Tambahan pula, guru boleh menganjurkan aktiviti dan permainan di ruang ini yang menggalakkan pelajar berinteraksi dengan bahasa, seperti lakonan, bercerita, dan perbincangan kumpulan. Dengan mewujudkan persekitaran bahasa Arab yang merangsang dan interaktif, pelajar lebih cenderung untuk melibatkan diri dengan bahasa tersebut dan meningkatkan kemahiran perbendaharaan kata mereka (Zaini et al, 2020).

Selain itu, menggunakan bahan bantu mengajar dan bahan yang sesuai adalah penting untuk pengajaran kosa kata yang berkesan. Bantuan visual, seperti kad imbas, carta dan persembahan multimedia, boleh membantu mengukuhkan perkataan dan konsep baharu. Alat bantu visual ini boleh membantu terutamanya pelajar visual, kerana ia memberikan gambaran yang ketara bagi kosa kata yang dipelajari (Samah et al, 2020). Selain itu, menggabungkan teks Arab, rakaman audio dan video boleh mendedahkan pelajar kepada penggunaan bahasa dunia sebenar dan membantu mereka memahami cara perkataan digunakan dalam konteks. Tambahan pula, guru harus memilih bahan pengajaran yang relevan dengan minat dan pengalaman harian pelajar, kerana ini dapat meningkatkan motivasi mereka untuk mempelajari kosa kata baharu.

Strategi yang terakhir iaitu ulangkaji yang kerap adalah kunci untuk mengekalkan dan mengukuhkan kosa kata bahasa Arab. Guru harus memasukkan kuiz perbendaharaan kata, permainan dan latihan biasa ke dalam pelajaran mereka untuk membantu pelajar menyemak semula dan mempraktikkan perkataan yang dipelajari sebelumnya. Aktiviti ini boleh membantu pelajar mengekalkan kosa kata baharu dalam ingatan jangka panjang mereka dan meningkatkan keupayaan mereka untuk mengingat perkataan apabila diperlukan. Selain itu, guru harus menggalakkan pelajar menggunakan kosa kata baharu dalam perbualan harian dan tugas menulis mereka. Ini boleh membantu pelajar menjadi lebih selesa menggunakan perkataan dalam konteks dan mendalami pemahaman mereka tentang makna dan penggunaannya. Dengan memasukkan aktiviti semakan dan latihan secara berkala ke dalam pelajaran mereka, guru boleh membantu pelajar mengembangkan perbendaharaan kata bahasa Arab yang kuat dan pelbagai dari semasa ke semasa.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, berdasarkan temu bual yang telah dijalankan, strategi yang telah dikenal pasti untuk meningkatkan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar di daerah Setiu, Terengganu adalah penting untuk pembelajaran dan pemerolehan bahasa yang berkesan. Program bahasa Arab yang tersusun, teknik hafalan yang betul, permainan perbendaharaan kata, sudut bahasa Arab, bahan bantu mengajar yang sesuai, dan ulang kaji adalah semua komponen penting dalam pendekatan komprehensif untuk pembangunan kosa kata. Strategi ini bukan sahaja membantu pelajar mempelajari perkataan baharu tetapi juga mengukuhkan pemahaman dan aplikasi mereka dalam konteks kehidupan sebenar.

Bagi penyelidik akan datang, terdapat beberapa bidang yang boleh diterokai untuk meningkatkan keberkesanan strategi ini. Pertama, lebih banyak kajian boleh dijalankan untuk menilai kesan jangka panjang strategi ini terhadap penguasaan bahasa Arab pelajar dan pengekalan perbendaharaan kata. Selain itu, kajian boleh menyiasat keberkesanan menggabungkan teknologi, seperti aplikasi mudah alih dan platform dalam talian, ke dalam pembelajaran perbendaharaan kata. Tambahan pula, penyelidikan boleh menumpukan pada pembangunan dan ujian kaedah pengajaran inovatif yang memenuhi pelbagai gaya pembelajaran dan keperluan pelajar. Secara keseluruhan, penyelidikan masa depan harus bertujuan untuk menyediakan cadangan berasaskan bukti untuk meningkatkan pendidikan bahasa Arab di Malaysia dan konteks lain yang sama.

## **PENGHARGAAN**

Para penulis merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua yang menyumbang untuk kajian ini secara langsung dan tidak langsung.

## **KONFLIK KEPENTINGAN**

Tiada konflik kepentingan dalam kajian ini.

## **RUJUKAN**

- Akta Pendidikan. (1996). Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Azrin, N. F., & Baharuddin, H. (2020). Strategi Pembelajaran Kosa Kota Bahasa Arab dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah: Implementing Arabic Vocabulary Learning Strategies Among the Primary School Students. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, 4(2), 17–23.
- Barbara, B. (2019). *Teaching and Learning Arabic Vocabulary. Innovation in Language Learning International Conference*. Dalarna University, Sweden.
- Daud, A. F. C., Mustapha, N. F., & Hajimaming, P. (2022). Problems in Arabic Writing Skills among Malay Students in Malaysia: A Review. *Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(1), 2028-2039.
- Ghani, M. T. A., & Daud, W. A. A. W. (2023). The Impact of Digital Game-Based Learning Towards Arabic Language Communication. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*.
- Hasnurol Hashim, and Kaseh Abu Bakar, and Maheram Ahmad, (2020) *Penguasaan kosa kata bahasa arab menerusi pengetahuan makna dan penggunaannya*. MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara, 21 . pp. 160-174. ISSN 1511-8393.
- Mohammad Taufiq, A. G. & Wan Ab Aziz, W. D. (2018). Adaptation Of Addie Instructional Model In Developing Educational Website For Language Learning. *Global Journal of At- Thaqafah*, 7-16.



- Mudinillah, A. (2019). The Development of Interactive Multimedia Using Lectora Inspire Application in Arabic Language Learning. *Jurnal Iqra' : Kajian Ilmu Pendidikan*, 4(2), 285-300.
- Samah, R., Isahak, A., & Ahmad, W. A. (2020). Amalan Guru Cemerlang Dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Bahasa dan Sastra Arab Mengikuti Strategi Ibnu Khaldun. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 37-54.
- Saufi, S. F. M., & Arifin, Z. (2023). Sumbangan Alumni Universiti Timur Tengah terhadap Perkembangan Bahasa Arab di Malaysia serta Cabaran yang Dihadapi [The Contribution of Middle East University Alumni to the Development of the Arabic Language in Malaysia and the Challenges Faced]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 6(2), 201-219.
- Tu'aymah, R. A. (1986). *Al-Marja' fi Ta'lim Al-Lughah Li Natiqin Bi Lughah Ukhra*. Mekah: Jami'ah Ummu Al-Qurra.
- Zaini, A. R., Zakaria, N. S., Ismail, M. R., Ghazali, M. R., & Hamdan, H. (2020). Kompetensi guru bahasa arab sekolah rendah di malaysia: Competency of arabic teachers in primary school in Malaysia. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 7(1), 103-113.
- Zaini, A. R., Zakaria, N., Hamdan, H., Ghazali, M. R., & Ismail, M. R. (2019). Pengajaran Bahasa Arab Di Malaysia: Permasalahan Dan Cabaran. *Jurnal Pengajian Islam*, 47-57.
- Zamri, N. A., Baharudin, H., Jaapar, S. A., Razak, A. A., Sharif, Z. M., & Mohamad, N. F. (2019). Motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Arab. *International Workshop and Conference of Asean Studies in Islamic and Arabic Education Linguistics, Social Sciences and Educational Technology* (pp. 1-19).
- Zulharby, P., Rasyid, Y., & Nuruddin. (2019). The characteristics of Teaching Material Arabic Speaking Skills in Higher Education. *Jurnal al-Bayan: Jurnal Jurusan Pendidikan Bahasa Arab*, 11(2): 194-213.